

Jenis Akhbar : Berita RTM

Tarikh : 07/05/2020

Edisi / Muka Surat : <http://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : Jimatbiz dan Jimatshop tawar barangan keperluan harian pada harga berpatutan

Jimatbiz dan Jimatshop tawar barangan keperluan harian pada harga berpatutan

07/05/2020



KUALA LUMPUR, 7 Mei- Platform perniagaan JIMATBIZ dan JIMATSHOP mampu dimanfaatkan peruncit dan pengguna bagi mendapatkan barangan keperluan harian pada harga berpatutan, lebih kompetitif dan seimbang secara dalam talian.

Inisiatif Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) itu memberi pendedahan mengenai kepelbagaian produk keluaran koperasi sekaligus membantu usahawan dalam mempertingkatkan kapasiti perniagaan runcit yang dijalankan.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pendekatan terbaharu itu merupakan satu bentuk transformasi kedai runcit koperasi dengan menggunakan platform digital atau e-Dagang.

Kaedah itu secara tidak langsung mempromosi konsep pembelian tanpa tunai dan norma baharu perdagangan berikutan penularan COVID-19.

Beliau berkata demikian ketika hadir menyerahkan sumbangan makanan berbuka puasa di Angkasapuri.

JIMATBIZ dan JIMATSHOP merupakan kesinambungan kepada Program Pembekalan Barangan Asas 100 (BA100) yang diperkenalkan tahun lalu dalam usaha membantu golongan B40.